

# Aura Gemstone

BUKAN MUDAH UNTUK MEMULAKAN TAPAK DALAM DUNIA PERNIAGAAN PRODUK KECANTIKAN PADA KETIKA INI. LEBIH-LEBIH LAGI PERSAINGAN DENGAN JENAMA SEDIA ADA DI PASARAN, PASTINYA MEMERLUKAN SESUATU YANG UNIK ATAU LAIN DARI YANG LAIN UNTUK PRODUK YANG DIUSAHAKAN MENDAPAT PERHATIAN PENGGUNA.

•OLEH IBNATIE-AZIZA MAT ROFF •FOTO: NORAZLINA OTHMAN

**B**agi pengasas produk Meeracle, Noor Ameera Nordin, 25, langkahnya menggunakan khasiat *gemstone* dalam produk sememangnya berhasil. Membuat kajian selama setahun tentang kebaikan batu *Ruby, Diamond* dan *Pearl*, Ameera percaya produk jenama Meeracle ini mampu untuk pergi lebih jauh.

"Sebenarnya, dari dahulu lagi orang kita tahu tentang bagaimana kebaikan batu permata *ruby, diamond* dan *pearl* pada kecantikan wanita. Tetapi tidak pernah terfikir untuk menggunakannya dalam produk kecantikan. Alhamdulillah, Allah memberi petunjuk ketika saya tercairi-cari apa kelainan yang ingin saya tampilkan dalam produk di bawah label saya.

"Saya tidak mahu mengambil mudah tentang penghasilan produk kecantikan kerana lambakan jenama lain di pasaran lain boleh menjadi

saingan. Disebabkan itu, saya tidak kisah mengambil masa lama iaitu setahun untuk penyelidikan batuan ini demi menghasilkan Meeracle. Alhamdulillah, segala pengorbanan dan penantian sebelum ini memberikan pulangan manis buat saya dan team Meeracle.

"Jika ditanya mengapa saya memilih hanya dua jenis produk iaitu serum dan *cleanser*, itu sebenarnya sudah mencukupi. Dan juga penggunaan dua jenis produk ini saja merangkumi semua langkah penjagaan yang diperlukan kulit. Tambahan pula, serum Meeracle tidak sama dengan serum lain.

"Serum Meeracle didatangkan dalam botol 30ml dan jenis krim, bukannya dalam bentuk cecair. Biasanya ia tahan selama dua bulan. Alhamdulillah, pengguna yang menggunakan produk Meeracle berpuas hati dengan hasilnya." ujar wanita yang berasal dari Kodiang, Kedah ini.



Business - Entrepreneur

Pg : 40-42

Control No: 0000292418

# MEERA



Demikian menjaga kualitas Meeracle, produk ini hanya dijual secara online dan juga melalui ejen-ejen yang dilantik.



## PRODUK FORMULA GEMSTONE PERTAMA DI ASIA

Menjadi satu-satunya jenama yang menggunakan *gemstone* sebagai bahan utama dalam kandungan produk, Meeracle juga popular di kalangan pengguna dari luar negara. Antara negara luar yang sudah mempunyai ejen Meeracle ialah Dubai, Brunei, Singapura dan juga Sydney, Australia.

"Alhamdulillah, saya bersyukur dengan sambutan yang diterima. Biar pun permintaan melebihi pengeluaran, team Meeracle berjaya mengatasi segala kesukaran yang dihadapi. Ini kerana setiap batuan yang kami guna, sumbernya datang dari negara yang berlainan. Contohnya, Ruby dari Perancis, Diamond dari Eropah dan Pearl dari China. Jadi, sedaya upaya kami cuba memenuhi permintaan yang semakin lama semakin meningkat ini.

"Apa yang saya perhatikan, tiada lagi produk dari luar negara yang menggunakan bahan *gemstone* ini dalam kandungan produk mereka. Jadi, boleh dikatakan, Meeracle adalah produk formula *gemstone* pertama di Asia dan kami bangga dengan pencapaian ini. Pengguna sekarang ini mahukan kelainan, jadi inilah yang kami berikan buat mereka yang memilih produk Meeracle," ujar anak ketiga dari lima beradik ini.

Bertindak di belakang tabir sahaja, Ameera melantik selebriti sebagai langkah dalam



Berbuah mendapat sokongan sepenuhnya daripada suami tersayang yang turut sama terlibat menjalankan perniagaan Meeracle.

ALHAMDULILLAH, SAYA  
BERSYUKUR DENGAN  
SAMBUTAN YANG DITERIMA.  
BIARPUN PERMINTAAN  
MELEBIHI PENGELUARAN,  
TEAM MEERACLE BERJAYA  
MENGATASI SEGALA  
KESUKARAN YANG  
DIHADAPI

mempromosikan Meeracle. Saat ditanya mengapa beliau memilih Catriona Ross dan Izreen Azminda sebagai duta, Ameera mempunyai alasannya tersendiri.

"Sebenarnya, jika boleh, saya mencari artis yang 'bersih'. Maksud saya di sini, artis yang tidak pernah menjadi mana-mana wajah atau duta produk kecantikan lain. Catriona pun hanya sekali menjadi duta produk tapi itu sudah lama, manakala Izreen pula bersih dari tajaan duta. Sebab itu saya memilih mereka.

"Namun sebelum mereka menjadi duta, mereka mencuba memakai produk Meeracle terlebih dahulu selama tiga bulan. Alhamdulillah, produk ini sesuai dengan kulit mereka dan bersetuju dengan tawaran kami.

"Dalam perancangan kami, insya-Allah, Meeracle akan mengeluarkan rangkaian produk lain juga iaitu *foundation* dan juga *makeup spray*. Wanita sememangnya tidak dipisahkan dari perasaan ingin tampak cantik dengan solekan. Jadi, kami mendapat permintaan untuk keluaran produk mekap. Masih lagi dalam proses penyelidikan, *foundation* dan *makeup spray* ini akan dikeluarkan sebelum penghujung tahun ini," kata Ameera yang mengusahakan perniagaan Meeracle ini bersama suaminya.